

TAHAP STRATEGI METAKOGNITIF(SM) BACAAN TEKS BAHASA ARAB KALANGAN PELAJAR SMKA SEREMBAN

THE LEVEL OF METACOGNITIVE STRATEGY(SM) IN READING ARABIC TEXT AMONG STUDENTS OF SMKA SEREMBAN

Mohd Sham Kamis¹

Pengarang Koresponden,
Pusat PERMATApintar™ Negara,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
(Email: mohdsham856@ukm.edu.my)

Norhayuza Mohamad²

Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
(Email: norhayuzamohamad@gmail.com)

Aini Akmar Mohd Kasim³

Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
(Email: ainik695@salam.uitm.edu.my)

Muhammad Nazir Alias⁴

Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
(Email: nazir@ukm.edu.my)

Accepted date: 23-04-2019

Published date: 11-07-2019

To cite this document: Kamis, M. S., Mohamad, N., Kasim, A. A. M., & Alias, M. N. (2019). Tahap Strategi Metakognitif (SM) Bacaan Teks Bahasa Arab Kalangan Pelajar SMKA Seremban. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 132-154.

DOI: 10.35631/ijhpl.260012

Abstrak: Artikel ini adalah kajian tentang tahap Strategi Metakognitif (SM) bacaan teks Bahasa Arab kalangan Pelajar SMKA di Seremban. Kajian ini merupakan kajian campuran yang cenderung kepada *explanatory* yang membicarakan tentang reaksi pelajar-pelajar di SMKA di daerah Seremban terhadap bacaan teks bahasa Arab selepas mendapat rawatan iaitu latihan SM seperti strategi merancang, memantau dan menilai. Kajian ini bermula dengan mengumpul data kuantitatif melalui 60 responden untuk mendapatkan jawapan objektif pertama bagi menyokong kajian kuantitatif dan tiga responden dipilih untuk menjawab objektif kedua dan ketiga yang berbentuk kualitatif. Dapatan untuk menjawab objektif pertama menunjukkan strategi merancang min 3.5 pada kedudukan pertama pada tahap tinggi. Manakala kedudukan kedua ialah strategi memantau iaitu min pada tahap 3.66 menunjukkan tahap tinggi. Strategi menilai pula min 3.47 berada pada kedudukan ketiga pada tahap sederhana. Jumlah keseluruhan SM min 3.54 pada tahap yang tinggi. Dapatan objektif kedua menunjukkan setiap responden mempunyai masalah kosa kata. Mereka menggunakan strategi merancang untuk melonjakkan kemahiran mereka dalam memahami bacaan teks bahasa Arab. Dapatan kajian ketiga menunjukkan seorang responden mengakui bahawa

beliau menghadapi masalah masa yang terlalu pendek dalam menjalani latihan SM. Oleh sebab itu beliau gagal untuk menguasai strategi menilai. Manakala, semua mengakui bahawa mereka tidak menghadapi masalah ketika menjalani Latihan SM. Impikasi kajian ini dapat menyumbangkan dan mencadangkan kepada guru-guru bahasa Arab untuk melakukan Latihan SM bagi melonjakkan keupayaan pelajar dalam memahami bacaan teks Bahasa Arab.

Kata Kunci: Strategi Metakognitif (SM), Masalah Bacaan Teks, Latihan SM, Bahasa Arab

Abstract: *This article is a about the level of Metacognitive Strategy (SM) regarding reading Arabic text among SMKA Students in Seremban. This study is a mixed method that considered as an explanatory study that focuses on the reaction of students of SMKA at the district of Seremban on reading of Arabic texts. The reaction of students is including their reaction after received treatment of the Metacognitive Strategy (SM) such as planning, monitoring and evaluation strategies. This study begins with collecting quantitative data through 60 respondents to investigate the first objective in supporting the second objective and third objective which is a quantitative study. There are three respondents were selected to answer qualitative study which consists second objective and third objective. The first finding indicates the mean for planning strategy 3.5 at a high level. While the second position is the monitoring strategy, mean at 3.66 indicates high level as well. The strategy of evaluating indicates mean 3.47 at the third position at a moderate level. The total amount is 3.54 which indicate high level. The second finding indicates that every respondent faced vocabulary problems. They used SM to assist their reading skills to comprehend Arabic text. The third finding indicates that one respondent faced a problem during undergoing SM training. Therefore he failed to master the evaluation strategy in a short time. Meanwhile, all respondents confessed that they did not face any problems during the Training of SM. The implication of this study is to contribute and suggest to Arabic teachers to implement Training of SM to boost students' ability in comprehending Arabic text*

Keywords: *Metacognitive Strategy (SM), Problem In Reading Text, Training Of SM, Arabic Language*

Pendahuluan

Bacaan teks bahasa Arab merupakan elemen penting yang dianggap sumber asas di Malaysia dalam proses pemerolehan bahasa (Kamarulzaman, 2011). Malah, bacaan teks bahasa Arab merupakan bahan paling dominan dalam pemerolehan ilmu Bahagian Kurikulum, JAPIM, 2001). Oleh yang demikian Yahya & Dayang (2013) menyuarakan dalam konteks bacaan apabila seseorang tidak memiliki strategi untuk mendalami pengetahuan, akibatnya dia akan berhadapan dengan kegagalan memahami kandungan bertulis dan mengetahui maksud tafsiran bahan bacaan sesuatu teks. Asmaa, Noorizah & Zaini (2015) juga berpendapat sedemikian apabila seseorang tidak mengetahui strategi dalam bacaan berkemungkinan dia akan gagal memperolehi pengetahuan berasaskan kosa kata yang diperolehi dari bahan bacaan yang dibacanya. Ini jelas seseorang perlu berusaha untuk memiliki cara pemerolehan bahasa yang tepat memandangkan kemiskinan dalam pembedaharaan kata membuatkan seseorang berpotensi berhadapan dengan masalah berbicara dan kesukaran memulakan ungkapan dalam bahasa Arab (Ghazali, Nik & Parilah, 2010).

Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan bagi seseorang pelajar perlu memiliki strategi dalam bacaan tepat lagi berkesan (Yahya & Dayang, 2013). Sima (2012) mencadangkan ketika pelajar ingin memulakan bacaan dia perlu berfikir terlebih dahulu melalui strategi merancang. Manakala, ketika sedang membaca, pada waktu proses bacaan sedang berlaku pelajar tersebut menggunakan strategi memantau ketika bacaannya yang sedang dilaluinya. Bukan itu sahaja, Shahlan (2012) menetapkan bahawa strategi menilai juga perlu dalam menentukan proses hala tuju selepas bacaan teks setelah selesai berlaku, kerana pelajar dapat menilai sejauh mana keberkesanan proses bacaan yang telah dilaluinya. Sima (2012) beranggapan strategi yang dimaksudkan disini ialah strategi metakognitif dalam bacaan teks bahasa Arab. Sima berpendirian demikian memandangkan strategi metakognitif perlu kerana strategi ini merupakan keperluan kerana dapat membantu mengawal pelajar mengetahui cara yang tepat dalam menetapkan sasaran dan objektif ketika memulakan bacaan, sedang melalui proses bacaan dan selepas proses bacaan teks berlaku.

Latar Belakang Kajian

Apabila seseorang dapat mengawal diri dalam penguasaan kosa kata dia sebenarnya mengetahui keupayaan kendirinya dalam pemerolehan bahasa Arab yang efektif (Ghazali, Nik & Parilah, 2011). Menurut Kujawa & Huske (1995) strategi merancang adalah tindakan seseorang menyusun strategi sebelum memulakan bacaan. Melalui strategi merancang; pelajar merancang penggunaan pemerolehan bahasa dengan menyediakan kamus, menyediakan pen berwarna untuk menggariskan perkataan yang sukar difahami. Strategi memantau pula membuat penyeliaan berpendapat; pelajar memantau kelemahannya dari masa ke semasa sebagai contoh; apabila dia mengetahui kelemahan sesuatu perkataan di dalam ayat ketika membaca, dia bertindak membuka kamus atau menggariskan perkataan yang sukar di fahaminya (Vos 2001; Chamot et al; 1999; Huitt; 1997). Strategi terakhir yang terdapat dalam kajian ini dikenali dengan strategi menilai. Kyairaniah (2017) berpendapat strategi menilai ialah tindakan seorang pembaca yang berlaku ketika selesai sahaja proses bacaan. Iaitu pelajar menyemak ketepatan maklumat pada peringkat akhir proses penyelesaian masalah (Bailey 2011; Shahin 2011; Huitt 1997; Mitchell; 1995). Shahin (2011) berpandangan strategi menilai dikenali dengan tindakan melihat kembali atau mengimbas kembali dalam fikiran untuk memastikan kualiti produk serta proses berfikir yang telah dihasilkan menepati kefahaman bacaan teks yang diinginkan. Impak yang besar apabila seseorang memahami isi kandungan teks ketika proses membaca melalui kesedaran dan pemantauan terhadap bacaannya lalu dia cuba untuk memperbaikinya (Yahya dan Dayang, 2013).

Namun begitu, kepelbagaian teori kognitif ini perlu dikuasai dengan gabungan merancang, memantau dan menilai kerana kemampuan menggunakan strategi yang berkesan ini perlu berasaskan satu mekanisme kognitif yang dikenali sebagai metakognitif atau kemahiran mengaplikasikan strategi (Phakiti, 2006). Metakognitif dirujuk sebagai pengetahuan dan kawalan individu mengenai pemikiran serta aktiviti yang dilakukan (Mokhtari dan Reichard, 2002). Untuk memahami teks semasa membaca, seseorang pelajar bahasa perlu memiliki kemahiran kognitif yang amat perlu seperti pemikiran inovatif dan kreatif, penaaakulan dan penyelesaian masalah serta daya usaha memahami sesuatu bahasa (Kyairaniah, 2017). Strategi ini akan lebih berguna jika pelajar dapat menggabungkan kemahiran membaca dengan perbendaharaan kata dan pembelajaran kefahaman bacaan dalam konteks yang tepat berpandukan penggunaan bahasa yang tepat (Asmaa, Noorizah & Zaini 2015).

Mokhtari dan Reichard (2002) merujuk kepada metakognitif sebagai proses kesedaran dan pemantauan yang digambarkan sebagai "pengetahuan tentang kognitif pembaca tentang

membaca dan suatu mekanisma dalam mengawal diri ketika membaca. Walaupun Blakey dan Spence (1990) menyatakan metakognitif sebagai "berfikir tentang apa yang kita fikirkan dan cuba mengetahui apa yang kita tahu dan apa yang kita tidak tahu. Namun, pembelajaran strategi metakognitif (SM) mengikut pandangan Yahya & Dayang (2013) dapat memberikan kesan yang amat baik kepada pemahaman pelajar dalam konteks bacaan. SM dalam konteks bacaan mengikut Yahya & Dayang (2013) adalah tindakan membaca yang melibatkan proses pemikiran dalam memahami teks menggunakan strategi tahap tinggi.

Justeru, adalah penting untuk mengkaji aktiviti dan perkembangan metakognitif untuk menentukan bagaimana pelajar dapat mempelajari cara yang lebih baik untuk menggunakan sumber kognitif mereka melalui kawalan metakognitif. Schwartz & Perfect (2002) menegaskan SM bukan sahaja membantu pembaca untuk menyusun interaksi mereka dengan teks, malah untuk memahami kandungan teks yang dibaca, mengetahui bagaimana penggunaan strategi berkaitan dengan pembacaan yang berkesan, melatih seseorang mengingat semula selepas membaca dalam konteks yang lebih mudah.

Bagi pendapat Wang (2015) pelajar-pelajar begitu sukar untuk memahami tafsiran sesuatu teks tanpa mempunyai kawalan tindakan minda kognitif yang beroperasi untuk menilai perbuatan mereka betul atau tidak dalam menilai hasil bacaan mereka. Demi kewajaran kearah ini, latihan SM amat perlu untuk merangsang pembelajaran pelajar menumpukan perhatian kepada bacaan teks dan membantu mereka dalam menyokong pengetahuan sedia ada atau pengalaman yang mereka lalui (Phakiti, 2006). Tambahan lagi, melalui latihan yang tertumpu kepada bahasa kebarangkalian dapat meningkatkan keupayaan sendiri seperti Teori Kepercayaan Jangkaan Keupayaan Kendiri (*Self-Efficacy*) terhadap kemampuan bahasa (Ghazali, Nik, et al, 2011). Oleh itu, latihan SM dapat membantu dan meyakinkan pelajar agar dapat menentukan apa yang perlu dicari didalam teks bacaan dan memahami isi kandungan teks dengan lebih teratur (Mokharti & Reichard 2002).

Untuk lebih memahami SM dan pembahagiannya dalam kajian ini, sila lihat Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Penggunaan Strategi Metakognitif (SM)

No.	Strategi Metakognitif (SM)	Pandangan	Penggunaan Sub SM Dalam Kajian ini	Contoh
1	Merancang	Kujawa & Huske (1995) turutan bacaan tentang tindakan yang perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum membaca	Tindakan sebelum membaca Teks Bahasa Arab	Menyediakan kamus, penyediaan buku nota dan menyediakan pen warna terang, mencari kawan yang boleh membimbing ketika proses bacaan berlaku
2	Memantau	Menurut (Vos 2001; Chamot et al; 1999; Huitt; 1997) membuat	Tindakan ketika membaca Teks Bahasa	Menggariskan perkataan ketika membaca teks, bertanyakan guru-guru dan kawan-kawan atau

	penyeliaan atau untuk memastikan maklumat teks dalam bacaan difahami ketika proses membaca berlaku.	Arab	membuka kamus untuk memahami beberapa perkataan yang tidak difahami, bertanya guru atau kawan mengenai bacaan teks, menghubungkan dengan perkataan lain untuk mengingati konteks ayat.	
3	Menilai	Strategi penilaian adalah strategi yang memperbetulkan kesilapan yang terdapat dalam strategi perancangan dan strategi memantau yang lalu (Bailey 2011; Shahin 2011; Huitt 1997; Mitchell; 1995).	Tindakan menilai <i>output</i> kefahaman setelah selesai membaca Teks Bahasa Arab	Menambah/memperbetulkan strategi terdahulu setelah melalui kesilapan seperti bertanya terus kepada guru atau rakan tanpa bertanggung sekiranya merasakan ada masalah dalam teks bacaan.

Jadual 1 memaparkan bagaimana penggunaan SM berlaku ketika bacaan teks, kajian ini menunjukkan bahawa strategi merancang digunakan sebelum memulakan bacaan teks sebagaimana yang dinyatakan oleh (Kujawa & Huske, 1995). Manakala strategi memantau menurut (Vos 2001; Chamot et al; 1999; Huitt; 1997) adalah penyeliaan untuk memastikan maklumat teks dalam bacaan difahami ketika proses membaca berlaku. Seterusnya diikuti dengan strategi menilai iaitu menilai kesilapan yang terdapat dalam strategi merancang dan strategi memantau yang lalu (Bailey 2011; Shahin 2011; Huitt 1997; Mitchell; 1995).

Sorotan Kajian

Ternyata kemahiran metakognitif ini membawa pelajar untuk berfikir mengenai apa yang tidak diketahui dan apa yang telah diketahui (Phakiti, 2006). Oleh yang demikian, kemahiran kognitif amat perlu seperti pemikiran inovatif dan kreatif, penaakulan dan penyelesaian masalah serta daya usaha dalam pembelajaran perlu dikuasai oleh setiap pelajar dalam bacaan teks (Setiawan, Deny & et al, 2015). Mohsen & Majid (2014) telah mengkaji strategi bacaan yang digunakan oleh pelajar-pelajar universiti EFL Iran dalam persekitaran yang kurang baik inputnya serta kekerapan penggunaannya. Mohsen & Majid mengkaji strategi penyelesaian masalah, strategi global dan strategi sokongan.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Nur Aisyah dan Zamri (2014) berfokus kepada memantau, menilai dan regulasi dalam kemahiran metakognitif amat perlu untuk mengerakkan minat dan bermotivasi dalam pembelajaran SM khususnya Bahasa Melayu. Setelah kajian dijalankan mengikut jenis pembahagian SM, kajian ini membuktikan bahawa bahasa bukanlah jurang pemisah bagi seseorang untuk memahami kandungan teks sekiranya

seseorang berminat dan memiliki motivasi yang tinggi kearah pembelajaran bahasa.

Walau bagaimanapun pada tahun sebelumnya telah muncul kajian SM oleh Adil (2012) yang melibatkan corak semula jadi guru menggunakan SM dalam mengajar bahasa kepada pelajar-pelajar agar pelajar-pelajar memahami pengajaran SM. Dalam dapatan Adil menunjukkan peningkatan dalam bacaan teks boleh ditingkatkan dengan syarat guru perlu menyesuaikan indikator pengajaran SM untuk difokuskan kepada pelajar mengikut aras pembelajaran bahasa.

Manakala, Wang (2015) berpendapat pelajar akan lebih memahami kandungan teks sekiranya pelajar tersebut mampu membuat tafsiran sesuatu teks selepas melalui proses bacaan teks dengan teratur melalui rangsangan SM yang efektif. Buktinya, dapatan Wang menunjukkan pelajar yang melalui proses pemikiran aras yang tinggi iaitu berfikir sambil membaca dapat meningkatkan kredibiliti seseorang ketika membaca teks.

Bagi Panahandeh & Esfandiari (2014) SM dapat mencorakkan penulisan dalam pembelajaran bahasa. Kajian SM mereka yang berkaitan merancang, memantau dan menilai dan kesannya terhadap penulisan membolehkan pengkaji-pengkaji lain mengetahui sejauh mana impak merancang, memantau dan menilai kepada penulisan. Ini membuatkan dapatan kajian ini begitu menarik disebabkan kesan SM begitu ketara dan tampak jelas kerana pelajar sentiasa melibatkan penulisan lebih-lebih lagi kehidupan sebagai seorang pelajar di universiti.

Berdasarkan kepentingan kemahiran metakognitif diatas, aspek ini perlu diberi penekanan dan perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara. Justeru, melalui PPPM 2013- 2025, misi ini dicernakan dengan harapan agar pelajar mampu menjana kemungkinan baharu, berkemampuan untuk menginovasi, mencipta idea atau menaakul maklumat baharu dalam mempelajari bahasa (Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025, 2012).

Pernyataan Masalah

Memandangkan strategi pembelajaran bahasa adalah pautan yang penting untuk kefahaman isi kandungan teks. Oleh yang demikian, strategi kearah memantapkan kefahaman teks haruslah ditekankan dalam penggunaan bacaan teks yang lebih efektif sebelum proses bacaan berlaku, semasa proses bacaan berlaku dan selepas proses bacaan berlaku (Dakin, 2013). Justeru, jelas Dakin pemilihan strategi yang tidak berkesan hakikatnya membawa kesukaran di kalangan pelajar sekolah untuk membaca dan memahami sesuatu bahan bacaan.

Di Amerika Syarikat berdasarkan laporan American Federation of Teachers (2004), akibat dari kegagalan memilih strategi untuk menguasai perbendaharaan kata dan memahami isi kandungan teks, ramai pelajar mengalami kesukaran membaca dan menulis; 20% pelajar sekolah rendah mempunyai kesukaran untuk belajar membaca, sementara 20% mempunyai kelancaran yang kurang baik dalam memahami kandungan bacaan.

Menurut Danuwong (2006) sebagai contoh seseorang yang gagal menggunakan strategi yang melibatkan kesedaran proses kognitif dan afektif sendiri, mereka bakal menghadapi masalah kesukaran untuk memahami teks dengan tepat. Manakala, masalah pelajar dalam memahami isi kandungan teks Bahasa Arab berkait rapat dengan daya kognitif yang bersifat pemikiran metakognitif yang kritikal dalam mengenal huruf-huruf *hijaiyyah* yang menonjolkan vokal (Nur Afifah, 2012). Ini kerana dalam Bahasa Arab pada setiap huruf atau baris memainkan peranan yang utama dalam mengubah fungsi makna dalam teks Bahasa Arab. Menurut

Miriam & Max (2004) berpendapat pelajar yang gagal berfikir dan mengenali huruf-huruf *hijaiyyah* tanpa berfikir bersumberkan metakognitif boleh membawa kepada kecacatan dalam memahami perkataan dan struktur ayat bacaan Bahasa Arab.

Di samping itu, bagi pelajar yang gagal memahami kandungan subjek, mereka berkemungkinan menghadapi kekurangan perbendaharaan kata dalam strategi membaca. Kajian yang dijalankan oleh Sahlan (2012) Shafee (2012) dan Saemah (2004) juga membuktikan bahawa pelajar yang gagal memahami kandungan subjek akan menemui kegagalan memahami bacaan teks berpunca dari masalah pemilihan strategi pembelajaran bahasa yang kurang tepat terutama dalam memahami teks bacaan. Menurut Sahlan (2012) beranggapan masalah pemilihan strategi yang tepat ini bukanlah tertumpu kepada Bahasa Arab sahaja, masalah kesilapan memilih strategi ini juga berlaku kepada bahasa-bahasa lain juga. Buktinya Nur Aisyah dan Zamri (2014) berpendapat Bahasa Melayu mempunyai persepektif yang hampir sama kerana Bahasa Melayu memerlukan pemilihan strategi bacaan yang teliti untuk dipadankan dengan kefahaman bacaan teks Bahasa Melayu.

Rosni (2009) mengakui kekecewaan dalam pemilihan strategi ini juga berpunca dari kekurangan perbendaharaan kata Bahasa Arab. Menurut Ghazali, Nik & Parilah (2010), setuju jika dikatakan sesetengah pelajar tidak mempunyai keyakinan dan mempunyai perasaan rendah diri ketika berbahasa Arab dibandingkan dengan rakan-rakan mereka, ini berkemungkinan kerana mereka memiliki sedikit perbendaharaan kata. Oleh yang demikian, latihan adalah satu keperluan untuk merangsang SM. Pada asasnya, pengetahuan perbendaharaan kata bagi seseorang pelajar dapat memberi mereka kelebihan dalam berbahasa Arab dengan mudah semasa memahami bahasa dalam perbualan, bacaan dan segala jenis situasi (Nadwah & Nadhilah, 2014).

Kadangkala para pelajar tersilap memilih strategi yang tidak sesuai ketika membaca teks Bahasa Arab (Rosni, 2009). Oleh itu, Bagi Rosni kegagalan memilih strategi untuk menentukan aras pemikiran tinggi mengakibatkan pelajar tidak mampu untuk membina ayat, menggunakan perbendaharaan kata yang betul dalam cara yang bermakna, mereka tidak mampu untuk menjawab soalan dengan betul selepas membaca sesuatu teks dan kurang kefahaman berkaitan teks yang dibaca. Dalam sebuah buku yang ditulis oleh Rosni yang bertajuk “Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia (2009)” mengupas bahawa masalah pemilihan strategi pembelajaran Bahasa Arab ini bukan sahaja wujud di pondok, madrasah dan Sekolah Menengah Agama Negeri. Malah, masalah tentang pemilihan strategi pembelajaran juga wujud di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di setiap negeri.

Jelas sekali, kewujudan strategi yang mampu mewujudkan minda kognitif dan kesedaran dalam memahami isi kandungan teks dikenali sebagai SM adalah masalah besar dan amat perlu dalam pembelajaran bahasa bagi seseorang individu yang ingin memahami bahasa lebih mendalam (Kyairaniah, 2017). Ini benar kerana SM membentuk rangsangan bersifat kognitif begitu penting demi mewujudkan daya pemikiran kognitif untuk memahami sesuatu bahasa dengan lebih mudah (Howard, Steven McGee, Regina Shia, et al, 2001).


Oleh kerana kajian SM ini sangat bermanfaat dan dapat menyumbangkan kearah kefahaman bacaan teks Bahasa Arab di Malaysia, kajian tentang SM ini tetap diteruskan dengan dimulakan dengan kajian dan populasi berskala kecil dahulu. Ini bertepatan dengan objektif kajian yang dinyatakan, penyelidik-penyelidik memulakan kajian SM yang tertumpu kepada daerah Seremban sebagai skop kajian ini.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah diatas, dapat disimpulkan bahawa objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap skor penggunaan strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai dalam bacaan teks bahasa Arab.
2. Meneroka masalah pelajar setelah menjalani Latihan SM dalam bentuk strategi merancang, memantau dan menilai dalam bacaan teks bahasa Arab.
3. Meneroka masalah yang dihadapi dalam Latihan SM dalam bacaan teks Bahasa Arab.

Kerangka Konsep



Rajah 1. Kerangka Konsep Yang Telah Diadaptasi Dari Chamot, et.al (1999).

Sumber Anna Uhl Chamot, Ph.D. Jill Robbins, Ph.D & Aileen Watts. (2005)

Rajah 1 memaparkan kerangka konseptual yang disesuaikan berdasarkan model yang dibina oleh Chamot et al. (1999). Dalam kajian ini, pelajar perlu menjalani pembelajaran melalui empat fasa dan untuk setiap fasa adalah latihan yang dikenali sebagai Latihan SM.

Berdasarkan kerangka konseptual di atas, pelajar-pelajar perlu menghadapi empat latihan berlainan dalam membaca teks bahasa Arab yang dipanggil Latihan SM. Dalam kandungan Latihan SM yang telah diubah suai dari Model CALLA (Chamot 2005, Chamot et al., 1999). Model Latihan SM untuk **Fasa Satu** ini dilakukan agar dapat mensasarkan keseluruhan kelas tentang SM dalam strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai yang jelas mengenai kefahaman bacaan teks. Guru akan menerapkan latihan strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai dalam fasa ini. Selepas sesi

pembelajaran dilakukan, setiap pelajar dari kumpulan diberikan latihan dalam bentuk latihan bacaan yang menumpukan kefahaman bacaan teks Arab. Setelah selesai pelajar-pelajar dibenarkan masuk ke fasa dua.

Dalam **Fasa Dua**, keseluruhan kelas dibahagikan kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada empat atau lima orang. Dalam fasa ini, guru tidak dibenarkan mengajar secara langsung tetapi setiap pelajar menerima penjelasan SM dari perbincangan didalam kumpulan mereka. Selepas sesi perbincangan selesai, setiap pelajar dari kumpulan kecil diberikan latihan bacaan yang berfokuskan kefahaman bacaan teks Arab. Setelah selesai pelajar-pelajar dapat meneruskan latihan di fasa tiga.

Dalam **Fasa Tiga**; kumpulan kecil dibahagikan kepada dua orang secara berpasangan. Dalam fasa ini, guru tidak dibenarkan mengajar secara langsung pelajar boleh berbincang kawan mereka sahaja. Penjelasan SM berlaku antara pasangan. Dalam fasa ini, setiap pelajar diberi latihan kefahaman berkisar tentang kefahaman bacaan teks. Setelah selesai pelajar-pelajar meneruskan latihan fasa empat.


Dalam **Fasa Empat**, setiap pasangan dipisahkan untuk secara individu. Dalam fasa ini, setiap pelajar diberi latihan kefahaman berkisar tentang kefahaman bacaan teks. Guru tidak dibenarkan memberi penerangan atau mengajar pelajar-pelajar. Setiap pelajar bergantung pada pengetahuan SM yang telah mereka lalui dalam fasa-fasa latihan yang lalu.

Skop Kajian

- a) Lokasi: SMKA di Seremban, Negeri Sembilan
- b) Saiz Sample: 60 orang untuk kajian kuantitatif/ 3 orang untuk kajian kualitatif
- c) Strategi Metakognitif (SM): Strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai
- d) Masalah; i) masalah pelajar setelah menjalani Latihan SM dalam bentuk strategi merancang, memantau dan menilai
ii) masalah yang dihadapi dalam Latihan SM

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian campuran yang menggabungkan kuantitatif dan kualitatif. Kelebihan menggunakan pendekatan kaedah campuran dalam kajian ini adalah untuk memaksimumkan kekuatan gabungan antara pendekatan kuantitatif dan kualitatif dan dalam masa yang sama dapat meminimumkan kelemahan kedua-dua pendekatan (Onwuegbuzie & Teddlie, 2003). Kajian ini lebih cenderung ke arah kajian *explanatory* iaitu mengintegrasikan data kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan yang pengkaji gunakan adalah menganalisis dua jenis data secara berasingan. Walaubagaimanapun, data kuantitatif adalah data utama untuk untuk mendapatkan data kualitatif. Pengkaji mengutarakan ilustrasi Rajah 2 untuk menggambarkan metodologi kajian ini seperti berikut:



Rajah 2: Metodologi Kajian “*Explanatory*” Dalam Kajian Campuran Yang Telah Diubah Suai Dari Creswell (2012).

Sumber: Creswell (2012).


Berdasarkan (Rajah 2) menunjukkan para pengkaji dalam kajian ini membuat penilaian dan menggabungkan kedua-dua hasil dapatan. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik yang serasikan dengan kaedah kedua-duanya seperti menggunakan kajian campuran iaitu gabungan dari dapatan borang kaji selidik untuk menjawab objektif satu dan membuat susulan untuk menjawab objektif dua melalui temubual mengenai masalah strategi-strategi yang dipelajari dalam Latihan SM dan menjawab objektif tiga iaitu masalah yang dihadapi oleh individu dalam Latihan SM. Item temubual adalah analisis bertema dan telah disahkan oleh tiga orang pakar. Kajian ini telah melalui kajian rintis untuk disesuaikan sebelum menghadapi kajian sebenar.

Dalam kajian kuantitatif bagi kajian objektif satu Cronbach Alpha dinilai untuk kajian rintis yang dilakukan. Untuk melihat kebolehpercayaan yang tinggi borang kaji selidik yang telah dijawab oleh 60 orang responden dinilai. Chua (2014) berpendapat bagi kajian kuantitatif kajian rintis perlu dinilai dengan Cronbach Alpha untuk meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu instrumen. Manakala untuk kajian kualitatif untuk objektif dua dan objektif ketiga, kaedah pengesanan pakar atau *audit trail* digunakan untuk menilai kembali perspektif serta pembinaan kod, kategori, tema atau paten yang telah ditetapkan. Mengikut Cohen (1976) dan Merriam (1998) kebolehpercayaan terhadap sesebuah kajian adalah menerusi kaedah audit trail adalah digalakkan. Dalam kajian ini ditambah lagi dengan Cohen Kappa untuk menilai kebolehpercayaan kajian objektif dua dan kajian objektif tiga.

Manakala, saiz sampel yang dipilih untuk menjawab objektif kajian satu ialah 60 orang responden manakala tiga orang responden dipilih secara rawak untuk menjawab objektif kajian dua dan objektif kajian tiga. Pendekatan ini bagi memastikan integriti data dapat dikekalkan dan pada masa yang sama meningkatkan kefahaman terhadap hasil analisis kedua-dua data dan set hasil kajian dapat diperolehi dengan dapatan yang boleh dipercayai.

Data Analisa Objektif Satu

Mengenal pasti tahap skor penggunaan strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai dalam bacaan teks bahasa Arab.



Rajah 3: Dapatan Strategi Metakognitif Yang Terdiri Dari Merancang, Memantau Dan Menilai (n= 60)

Berdasarkan (Rajah 3) kesemua 60 pelajar telah menjalani Latihan SM yang terdiri dari strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai. Seperti dalam (Rajah 3) strategi merancang min 3.5 pada kedudukan pertama pada tahap tinggi. Manakala kedudukan kedua ialah strategi memantau iaitu min pada tahap 3.66 menunjukkan tahap tinggi. Strategi menilai pula min 3.47 berada pada kedudukan ketiga pada tahap sederhana. Menjadikan jumlah keseluruhan 3.54 pada tahap yang tinggi. Walaubagaimanapun, kajian ini masih tidak dapat menjawab objektif kedua dan ketiga. Oleh yang demikian kajian susulan berbentuk kualitatif iaitu temubual perlu dijalankan untuk meneroka masalah setelah menjalani latihan SM dalam bentuk strategi merancang, memantau dan menilai dalam bacaan teks bahasa Arab dan masalah individu ketika menjalani Latihan SM.

Data Analisa Objektif Dua

Meneroka masalah pelajar setelah menjalani latihan SM dalam bentuk strategi merancang, memantau dan menilai dalam bacaan teks bahasa Arab.

- a) Strategi merancang: Kujawa & Huske (1995) berpendapat turutan bacaan tentang tindakan yang perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum membaca.

Setelah temubual strategi merancang dijalankan para penyelidik mendapati maklumbalas dari responden adalah seperti (Jadual 2) berikut:

Jadual 2: Masalah Individu Dalam Bacaan Teks Arab Dan Kesan Selepas Menerima Rangsangan Strategi Merancang Bagi Peningkatan Bacaan Teks Arab

Soalan	Responden	Maklumbalas
Setelah menjalani Latihan SM	SHS1	“Saya sejujurnya saya tidak banyak kosa kata. ” saya akan merujuk kembali buku-buku nota yang telah saya tulis..di dalam

<p>ini, adakah anda mengalami masalah ketika Strategi Merancang iaitu sebelum memulakan bacaan teks Bahasa Arab?</p>		<p>buku nota .Kerana apabila saya merujuk kamus dan buku nota. Ini memudahkan saya untuk melihat kepada buku nota tersebut saya akan mengaitkan perkataan atau tatabahasa yang ada dalam teks tersebut.”Masalah tak de nampaknya....Emm yang lain ok</p>
	SHS2	<p>”Masalah? Ok je.Saya akan menjangkakan masalah tersebut kerana saya kekurangan kosa kata atau pun saya tidak mengetahui maksud sesuatu perkataan .” Mula-mula saya akan membaca dahulu teks tersebut apabila ada perkataan yang saya tidak faham saya akan menyediakan alat seperti pen berwarna untuk mengariskan dan seterusnya akan membuat rujukan pada kamus atau pun bertanyakan penerangan rakan-rakan. Selain itu saya juga akan menyemak kembali teks tersebut bersama cikgu.</p>
	SHS3	<p>“Masalah??Tak pulak.Saya tahu kelemahan saya iaitu kekurangan kosa kata kerana saya juga tahu..saya malas menghafal..saya akan tetap berusaha dan saya akan mengeluarkan kamus untuk memperbetulkan ketika saya membaca.”</p>

Berdasarkan Jadual 2, analisa bagi menjawab objektif 2 tiga responden memberi maklum balas bahawa mereka tidak mengalami masalah-masalah bacaan teks bahasa Arab. Malah, SM dapat membantu mereka mengatasi kekurangan kosa kata. Ini jelas dapat dilihat bahawa SHS1, SHS2 dan SHS3 masing-masing berpendapat bahawa mereka mengakui menghadapi masalah ketika membaca teks berpunca dari kekurangan kosa kata. Nyata dan jelas bahawa semua responden menggunakan pembelajaran SM untuk meningkatkan kefahaman bacaan teks bahasa Arab mereka.

Responden SHS 1 begitu jujur mengakui dengan menyatakan tidak banyak kosa kata yang dimilikinya. Walaubagaimanapun, SHS1 selesa menyediakan pembelajaran SM berbentuk visual contohnya penyediaan buku nota untuk membantu kefahaman dalam bacaan teks bahasa Arab. SHS1 berpendapat apabila dia melihat dia mampu mengaitkan perkataan atau tatabahasa yang ada dalam buku teks. Ini memudahkan SHS1 membaca dan memahami kosa kata yang dibacanya dengan begitu mudah. Tidak dinafikan SHS 1 menyediakan kamus dan buku nota. Ini jelas apabila SHS1 menyatakan dia membuat persediaan dengan merujuk kembali buku-buku nota yang telah ditulis olehnya. Dengan rangsangan SM, SHS1 memilih strategi merancang untuk mengaitkan perkataan atau tatabahasa dalam teks untuk membantu dirinya memahami teks bacaan bahasa Arab.

Manakala responden SHS2 berpendapat bahawa dia menghadapi masalah dalam menguasai kosa kata. Apabila menjalani Latihan SM dalam merancang bacaan teks masalah tersebut dapat ditangani. Buktinya SHS2 bertindak dengan menggariskan perkataan tersebut lalu merancang membuat rujukan pada kamus atau pun bertanyakan rakan-rakan. Selain itu dia juga akan menyemak kembali teks tersebut dan seterusnya bertanyakan guru. Disini SM berbentuk visual memainkan peranan penting kerana SHS2 perlu melihat garisan pada perkataan yang tidak difahaminya. Apabila jelas perkataan yang dilihatnya dengan tanda garisan SHS2 merujuk perkataan yang tidak difahami berpandukan bantuan SM iaitu penyediaan kamus. Bukan itu sahaja, SHS2 juga perlukan rangsangan SM berbentuk audio melalui penerangan rakan-rakan dan guru. Strategi penggunaan SM ini penting dan sesuai untuk responden SHS2.

Responden SHS3 juga menghadapi masalah dari aspek yang sama iaitu kekurangan kosa kata. Ini jelas apabila SHS3 menyatakan dia seorang yang malas untuk menghafal kosa kata. Namun dibalik sikap yang malas itu dia tidak membiarkan dirinya seperti itu dalam keadaan kekurangan kosa kata. Dia bertindak dengan menyediakan kamus. Tindakan SHS3 dengan menggunakan SM iaitu merujuk kamus dengan cara ini mampu merangsang diri SHS3 dengan menguasai dan memahami bacaan teks bahasa Arab dengan lebih mendalam.

Jelas disini ketiga-tiga responden mengawal pembelajaran kognitif mereka berpandukan kawalan SM. Dalam aspek merancang responden SHS1 menyediakan kamus dan buku nota. Responden SHS2 menggunakan strategi merancang untuk membaca dahulu teks, menggariskan perkataan yang sukar untuk difahami dan akan membuat persediaan untuk rujukan pada kamus dan meminta penerangan rakan-rakan serta merancang untuk bertanyakan guru yang berkenaan. Manakala SHS3 juga menggunakan strategi merancang dengan menyediakan kamus sebagai persediaan menghadapi proses bacaan teks bahasa Arab.

- a) Strategi memantau: Menurut (Vos 2001; Chamot et al; 1999; Huitt; 1997) membuat penyeliaan atau untuk memastikan maklumat teks dalam bacaan difahami ketika proses membaca berlaku.

Setelah temubual strategi memantau dijalankan para penyelidik mendapati maklumbalas dari responden adalah seperti (Jadual 3) berikut:

Jadual 3: Masalah Individu Dalam Bacaan Teks Arab Dan Kesan Selepas Menerima Rangsangan Strategi Memantau Bagi Peningkatan Bacaan Teks Arab

Soalan	Responden	Maklumbalas/ Tindakan
Setelah menjalani Latihan SM ini, adakah anda mengalami masalah ketika Strategi Memantau iaitu sewaktu bacaan teks Bahasa Arab?	SHS1	“Ok je..Apabila saya membaca sesuatu teks kemungkinan masalah itu banyak seperti ... masalah tatabahasa . Apabila saya membaca sesuatu teks itu saya akan cuba memastikan teks... Seperti contoh dalam soalan bertanya tentang sesuatu perkataansaya menggunakan isim dan dengan pengetahuan tentang sorof saya boleh mengubah isim tersebut kepada fiil dan mencari adakah ada persamaan antara dua perkataan tersebut....saya membaca teks yang

	<p>pertama saya akan dapat perkataan-perkaataan baru kemudian saya akan baca teks yang kedua teks yang lain dari yang pertama itu tadi saya akan memastikan mesti ada perkataan baru yang saya perolehi dari teks yang pertama. saya menyusun strategi yang digunakan seperti membaca teks dan memastikan tahap kefahaman saya..Kemudian menyediakan pen warna terang.”</p>
SHS2	<p>“Aah..ok la..Saya tiada pengetahuan tentang ilmu-ilmu Bahasa Arab. Saya akan cuba memahami setiap perkataan dan saya juga akan membuat nota catatan kepada perkataan-perkataan baru yang saya jumpa. Ini membuatkan saya mudah untuk memahami setiap teks dari masa ke semasa. Ini bagi memudahkan saya untuk menjawab sesuatu soalan dan juga bagi mengesan kelemahan saya terhadap teks tersebut dan dapat meningkatkan kemajuan saya dari segi tahap kefahaman saya terhadap teks.”</p>
SHS3	<p>“Tak la..Kerana saya kurang kosa kata dalam bahasa Arab..saya terpaksa menghubung kaitkan dengan subjek lain. Kerana sebahagian bahasa menggunakan Bahasa Arab..saya dapat mengetahui serba sedikit kosa kata Bahasa Arab contohnya Bahasa Melayu meminjam kosa kata Bahasa Arab seperti zikir, solat dan sebagainya..</p>

Berdasar Jadual 3, untuk menjawab objektif 2 tiga informan SHS1, SHS2 dan SHS3 memberi maklum balas bahawa mereka menghadapi masalah bacaan teks. Walaubagaimanapun, melalui rangsangan strategi memantau masalah tersebut dapat ditangani.

Ini jelas apabila SHS1 menyatakan kelemahan dalam bacaan teks bahasa Arab berpunca dari masalah tatabahasa. Dalam keadaan sebegini SHS1 menggunakan strategi memantau apabila membaca teks. SHS 1 berusaha dengan menggunakan isim dan dengan pengetahuan tentang sorof SHS1 boleh mengubah *isim* tersebut kepada *fiil*. SHS1 membaca teks yang buat kali pertama SHS1 menyatakan dia memperoleh maklumat dari perkataan-perkaataan baru kemudian SHS1 berusaha untuk membaca teks yang buat kali kedua teks tersebut dan juga mencuba buat kali ketiga. Ini bermakna SHS1 berhempas pulas untuk mengatasi kelemahannya. Buktinya SHS1 juga bertindak memastikan ada perkataan baru yang diperolehi dari teks yang dibaca buat kali pertama. Kemudian SHS1 bertindak untuk mengatasi kelemahannya dengan bantuan untuk merangsang SM dengan penggunaan pen warna terang untuk memastikan tahap kefahamannya bertambah baik.

Responden berikutnya ialah SHS 2, beliau mengakui kelemahan bacaan teks adalah berpunca dari tiada pengetahuan tentang ilmu-ilmu Bahasa Arab, ini bermaksud dia memantau kelemahannya. Sekiranya diteliti SHS2 sebenarnya menghadapi masalah perkataan. Ini ternyata apabila dia mengakui bahawa dia mencatatkan perkataan yang baru dan sukar untuk difahaminya. Dalam situasi sebegini SHS2 bertindak untuk mengatasi kelemahannya dengan menyediakan nota. Dengan bantuan Latihan SM berbentuk visual seperti nota, SHS2 berkeyakinan rangsangan Latihan SM melalui penggunaan nota dapat meningkatkan kemajuannya dari segi tahap kefahaman terhadap bacaan teks bahasa Arab.

Situasi masalah SHS3 pula dia mengalami masalah perkataan tetapi tindakan SHS3 amat berbeza dari ketiga-tiga mereka. SHS3 bertindak dengan menghubungkan perkataan-perkataan tersebut dengan bahasa Melayu. Setelah SHS3 menggunakan strategi memantau dia berpendapat berpendapat sebahagian dari perkataan Melayu meminjam kosa kata bahasa Arab seperti zikir solat dan sebagainya. SHS3 menggunakan rangsangan SM berbentuk gambaran visual iaitu hubung kait sesuatu perkataan dengan perkataan-perkataan lain.

c) Strategi menilai: Strategi menilai adalah strategi yang memperbetulkan kesilapan yang terdapat dalam strategi perancangan dan strategi memantau yang lalu (Bailey 2011; Shahin 2011; Huitt 1997; Mitchell; 1995).

Setelah temubual strategi menilai dijalankan para penyelidik mendapati maklumbalas dari responden adalah seperti (Jadual 4) berikut:

Jadual 4: Masalah Individu Dalam Bacaan Teks Arab Dan Kesan Selepas Menerima Rangsangan Strategi Menilai Bagi Peningkatan Bacaan Teks Arab

Soalan	Responden	Maklumbalas
Setelah menjalani Latihan SM ini, adakah anda mengalami masalah ketika Strategi Menilai iaitu selepas bacaan teks Bahasa Arab?	SHS1	“Saya banyak tak faham ...Mungkin saya habis baca teks tu..atau pun habis satu exam tu..saya cek balik kamus.Saya cuba ingat perkataan tak faham.Saya balik rujuk kamus supaya saya dapat menjawab soalan yang diberikan...saya yakin kerana Subjek Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab memerlukan vocab .
	SHS2	Strategi menilai...Tidak . Kerana saya hanya mencapai matlamat saya untuk menulis jawapan pada kotak jawapan saya je. Saya tidak ingin pergi lebih jauh lagi .Saya tidak mampu sejauh itu.Saya lemah dalam kosa kata, latihan ini terlalu sekejap untuk saya kuasai.”
	SHS3	“Saya banyak tidak yakin kosa kata dalam Bahasa Arab . saya akan cuba mempertingkatkan kosa kata saya dalam Bahasa Arab.Saya dapat menilai sejauh

mana..kefahaman saya tentang petikan”
 Kadang-kadang saya **tidak memahami**
ayat...perkataan tersebut....saya dapat
menilai sejauh mana...kefahaman saya
 tentang petikan yang saya fahami
 dari..soalan.” **Contoh subjek lain B.M,B.I.**
 Bila saya membaca teks tu..**Saya teringat**
pengalaman saya.

Berdasarkan Jadual 4, untuk menjawab objektif 2 seramai tiga responden SHS1, SHS2 dan SHS3 menyatakan masalah dalam bacaan teks bahasa Arab dan mereka dapat mengatasi masalah tersebut dengan penggunaan strategi menilai.

Ternyata SHS1 akur dengan kelemahannya yang banyak seperti perkataan yang tidak difahami terhadap bacaan teks bahasa Arab. Ini jelas terbukti apabila usaha SHS1 bertindak apabila menilai kelemahannya. Dia cuba menilai perkataan tersebut setelah selesai bacaan teks atau selesai peperiksaan. SHS1 balik ke rumah dengan mencari kamus untuk rujukan perkataan yang tidak diketahuinya. Permasalahan dalam bacaan teks Arab adalah berpunca dari kosa kata. SKS1 yakin bahawa dengan rangsangan SM seperti penggunaan visual seperti iaitu melihat kamus dapat meyakinkan dirinya dan penggunaan SM dapat melonjakkan dirinya dalam pencapaian kefahaman bacaan teks bahasa Arab.

Manakala SHS2 menyatakan dia tidak menggunakan strategi menilai. SHS2 hanya ingin mencapai matlamat untuk menulis jawapan ketika membaca teks bacaan. Bagi SHS2, dia tidak mengharapkan untuk memahami lebih dalam lagi bacaan teks bahasa Arab. Tiada tindakan untuk membaiki kelemahan SHS2 dalam menangani kelemahan dalam bacaan teks bahasa Arab. Kelihatan SHS2 tidak berminat untuk menggunakan strategi menilai dalam bacaan teks bahasa Arab kerana berpunca dari masa yang dihadkan Latihan SM terlalu singkat untuk dipelajari, SHS2 memerlukan masa yang panjang untuk mempelajari strategi menilai.

Responden berikutnya iaitu SHS3 mengakui bahawa dia menghadapi permasalahan tidak yakin dengan kosa kata yang dimilikinya. Buktinya, apabila beliau menyatakan beliau mahu menumpukan kefahaman. Sungguhpun demikian, SHS3 dapai menilai bacaan teksnya ditahap lemah. Dia cuba mempertingkatkan kefahamannya terhadap bacaan teks bahasa Arab dengan cubaan memiliki kosa kata. SHS3 juga mengakui yang dia tidak memahami ayat bahkan perkataan. Walaubagaimanapun berdasarkan petikan yang difahami melalui soalan yang dibacanya. SHS3 cuba menggunakan imbasan pengalaman yang dilaluinya dalam hidupnya. SHS3 juga menggunakan pembelajaran SM dengan penguasaan hubung kait perkataan tersebut dengan membezakan perkataan bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Data Analisa Objektif Tiga

Meneroka masalah yang dihadapi dalam Latihan SM dalam bacaan teks Bahasa Arab.

Jadual 5: Masalah Individu Ketika Menjalani Latihan SM

Soalan	Responden	Maklumbalas
Apakah masalah yang anda	SHS1	“Pada pendapat saya tak ade masalah sebab strategi merancang perlu merancang sebelum

hadapi ketika
menjalani
Latihan SM ini?

menjawab soalan, seterusnya Strategi memantau..kita perlu memantau apa yang kita jawab tau fahami dari teks bacaan yang seterusnya strategi menilai kita menilai semula apa yang telah kita jawab atau yang kita abaca dan fahami...Pada pendapat saya tiada masalah dalam strategi ini itu sahaja...**Penting strategi ni! Saya bercadang untuk menggunakan strategi ini pada masa akan datang** ...eeemm saya faham untuk diri sendiri aje nk ajar orang tu tak la pandai sangat..tapi tau la sikit-sikit klu nak ajar..”.

SHS2

Masalah tak de.Ok aje.. Saya akan menggunakan strategi ini pada masa akan datang..cara ini penting untuk belajar.Eeeemmm....Latihan ni bagus..Strategi yang diberikan berdasarkan strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai amat penting bagi diri saya... Saya cadangkan strategi ni memang **perlu digunakan pada masa akan datang untuk kebaikan diri sendiri dan generasi-generasi seterusnya..”**

SHS3

“**Saya tak de masalah..OK** sangat penting strategi yang saya belajar dalam Latihan SM untuk memahami bacaan teks Bahasa Arab.Saya perlu menggunakan semua strategi ni pada masa akan datang.Bagi saya memang setuju dan ia **amat penting untuk diajar secara rasmi** oleh para guru untuk mengajar pelajar yang lemah dan juga yang kurang faham untuk menjawab peperiksaan atau pun yang kurang membaca Bahasa Arab...

Berdasarkan Jadual 5, untuk menjawab objektif 3 tiga responden ditemubual tentang masalah yang dihadapi ketika menjalani sesi Latihan SM.Mereka berpendapat tiada masalah yang dihadapi sepanjang Latihan SM berlangsung. SHS1, SHS2 dan SHS3 berpendapat mereka akan menggunakan strategi yangt dipelajari pada masa akan datang.

Responden SHS1 menyatakan tiada masalah yang dihadapi olehnya berkenaan Latihan SM, apa yang terkandung dalam Latihan SM seperti strategi merancang,strategi memantau dan strategi menilai adalah suatu keperluan untuk dirinya.Walaupun pada hakikatnya SHS1 hanya tidak mengetahui cara untuk mengajar strategi merancang,strategi memantau dan strategi menilai kepada orang lain, tetapi sekurang-kurangnya dia mengetahui strategi-strategi berikut

untuk diamalkan bagi dirinya sahaja.

Sekiranya diperhatikan responden SHS2 pula menyatakan tiada masalah yang dihadapi sepanjang menjalani Latihan SM. SHS2 memuji Latihan bagus SHS2 begitu yakin sekali bahawa strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai yang dipelajari dalam Latihan SM amat perlu. Buktinya SHS2 mengesyorkan Latihan SM memberi kebaikan kepada dirinya dan generasi-generasi seterusnya.

Manakala SHS3 juga menyatakan tiada sebarang masalah yang dihadapi oleh SHS3. Strategi merancang, strategi memantau dan strategi menilai yang dipelajari dalam Latihan SM. Bagi SHS3 berpendapat SM menjadi keperluan bagi memahami bacaan teks Bahasa Arab. SHS3 juga menyatakan Latihan SM menjadi suatu keperluan buktinya SHS3 menyatakan Latihan SM amat perlu bagi “para guru untuk mengajar pelajar yang lemah dan juga yang kurang faham untuk menjawab peperiksaan atau pun yang kurang membaca Bahasa Arab”.

Perbincangan dan Cadangan

Di dalam artikel ini telah membincangkan dan menjawab objektif 1 aspek keseluruhan strategi, berdasarkan (Rajah 2), setelah mendapat rangsangan pembelajaran SM. Hasilnya terdiri dari strategi merancang pada tahap min 3.5 dan strategi memantau ditahap tertinggi pada tahap min 3.66 manakala strategi menilai pada tahap sederhana min 3.47. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya pada tahap tinggi iaitu min 3.54. Pembelajaran SM sememangnya dapat melonjakkan sesuatu pembelajaran bahasa. Ini selari dengan pendapat (Danuwong, 2006).

Data temubual pada (Jadual 1) iaitu aspek merancang menunjukkan tertumpu kepada kelemahan individu iaitu kosa kata dalam bacaan teks Arab. Dalam bacaan teks bahasa Arab yang dilakukan mampu melonjakkan kefahaman teks melalui tindakan SM pada diri kebanyakan responden dengan penggunaan strategi merancang seperti menyediakan buku nota, menyediakan pen untuk menggariskan perkataan-perkataan dan menyediakan kamus. Ini menunjukkan mereka mendapat rangsangan untuk menguasai kandungan pengetahuan bahasa Arab itu sendiri. Ini selari dengan pendapat (Levy, 2008). Oleh yang demikian, merancang sesuatu tindakan sebelum memulakan bacaan teks sesuatu bahasa adalah strategi yang perlu untuk menentukan sesuatu perancangan dalam bacaan bagi mencapai objektif yang jelas dalam bacaan (Treffinger, Hohn & Feldhusen, 1989). Tindakan yang tercetus dari gerak laku responden dapat membentuk pembelajaran SM di dalam diri responden yang kebanyakan tertumpu kepada rangsangan visual.

Dalam pada itu, (Jadual 2) aspek memantau, data temubual menunjukkan kelemahan individu dalam bacaan teks Arab yang disebabkan oleh masalah tatabahasa, tiada pengetahuan tentang ilmu-ilmu Bahasa Arab dan kurang kosa kata. Sebagai jalan penyelesaiannya, semua responden bertindak mengikut cara-cara masing-masing seperti menggunakan *isim* dan dengan menggunakan pengetahuan tentang sorof dengan mengubah bentuk *isim* tersebut kepada *fiil* dan mencari adakah ada persamaan antara dua perkataan tersebut. Cara yang lain untuk mengatasi kelemahan dalam bacaan teks Arab ialah memastikan kewujudan perkataan baru yang perolehi dari teks yang dibaca, malah bukan itu sahaja, responden bertindak menggariskan perkataan dengan menggunakan pen warna terang untuk memastikan peningkatan dalam tahap kefahaman bacaan. Responden juga membuat nota catatan kepada perkataan-perkataan baru yang dijumpai. Pembelajaran SM semakin jelas ketara apabila responden yang bertindak menghubungkan kaitkan dengan subjek lain dengan menggunakan teknik mengaitkan kosa kata Bahasa Melayu dengan Bahasa Arab iaitu perkataan solat dan

zikir. Situasi pelajar menggunakan pembelajaran SM ini menyokong pendapat Esmaeil & Shahram (2014) iaitu apabila pelajar memiliki strategi memantau, strategi ini dapat membantu pelajar memantau pencapaian mereka dalam pemerolehan bahasa; dengan menggunakan strategi ini, mereka dapat mengesan kata yang sukar difahami atau kalimat yang tidak jelas untuk memahami teks semasa membaca.

Disamping itu, kelemahan individu dalam bacaan teks bahasa Arab dalam aspek menilai dapat diperhatikan (Jadual 3) apabila dua responden menyatakan dia mengingati perkataan yang tidak faham setelah selesai membaca dengan merujuk kamus. Ini bertepatan dengan kenyataan Wang (2015), responden membuat tafsiran sesuatu bacaan teks dengan melihat kamus agar dapat merangsang kefahaman untuk membaca dan memahami teks sesuatu bahasa. Manakala (Jadual 3) juga menunjukkan ada responden yang merujuk kepada aspek menilai dengan menghubungkan ayat atau perkataan dalam teks seperti perbandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Ini membantu dalam merangsang SM dalam bacaan teks bahasa Arab. Gerak laku ini membuktikan bahawa mereka menggunakan daya ingatan atau pengalaman untuk mengaitkan situasi mereka untuk membaca teks. Ini membawa erti bahawa daya ingatan atau pengalaman begitu diperlukan dalam bacaan teks seperti yang diperkatakan oleh Mokharti & Reichard (2002) menilai dalam proses memahami teks. Walaubagaimanapun, ada juga responden dalam aspek menilai ini tidak berminat untuk menggunakan rangsangan pembelajaran SM apabila dia menyatakan dia tidak ingin mencapai objektif yang sepatutnya kerana dia hanya berminat untuk membaca dan menjawab soalan kefahaman menerusi petikan ditek yang dibacanya sahaja. Punca responden tidak berminat kerana masa yang dihadkan untuk Latihan SM begitu singkat untuk dipelajari oleh responden.

Objektif tiga juga menunjukkan rata-rata responden yang menjalani temubual ini meluahkan perasaan mereka bahawa mereka tidak mempunyai masalah ketika latihan SM dilakukan. Malah mereka bersetuju agar Latihan SM diperluaskan lagi. Semua responden juga mencadangkan SM perlu diperluaskan demi untuk memahami bacaan teks Bahasa Arab.

Kajian ini boleh memberikan maklumat awal yang penting tentang tahap metakognitif bagi mata pelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA Daerah Seremban. Ini diikuti dengan rangsangan melalui latihan SM untuk meningkatkan kefahaman bacaan teks bahasa Arab. Dapatan kajian ini dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan usaha dan rancangan bagi meningkatkan kualiti pencapaian pelajar di SMKA di Malaysia. Ini sangat bersesuaian dengan keperluan sistem pendidikan. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar dapat mengintegrasikan kemahiran metakognitif dengan kurikulum yang sedia ada untuk faedah pelajar secara maksimum.

Berdasarkan dapatan kajian, adalah dicadangkan agar kemahiran metakognitif perlu ditambah atau dimodifikasi oleh KPM demi melatih pelajar agar dapat menyesuaikan strategi ini dengan penggunaan bacaan teks Arab. Para guru juga perlu memahami terlebih dahulu konsep metakognitif ini dalam pengajaran bacaan teks Bahasa Arab. Dicapadangkan agar penyelidik-penyelidik hendaklah melakukan kajian lanjutan yang berkonsepkan kompetensi metakognitif yang berskala lebih besar dalam bentuk perbandingan diantara pembelajaran bahasa Arab yang bersifat biasa dengan pembelajaran Arab yang bersifat metakognitif agar ianya akan dapat memberikan maklumat yang lebih luas, terperinci dan perspektif indah serta semangat yang jitu kepada pencinta Bahasa Arab bahawa Bahasa Arab begitu mudah dipelajari bukanlah sukar seperti yang digambarkan.

Kesimpulan

Di dalam kajian objektif satu ini menunjukkan strategi memantau ditahap tertinggi pada tahap min 3.66 mengatasi strategi merancang min 3.5 tempat kedua pada tahap tinggi dan strategi menilai kedudukan yang ketiga min 3.47 pada tahap sederhana. Keseluruhannya strategi menunjukkan berada pada tahap tinggi iaitu min 3.54. Kebanyakan responden diatas menghadapi kesukaran, namun mereka tetap mempunyai Teori Kepercayaan Jangkaan Keupayaan Kendiri (*Self-Efficacy*) iaitu menilai diri agar dapat meletakkan objektif untuk berjaya dan mencapai sesuatu matlamat. Implikasinya dapat disaksikan apabila kesemua responden meletakkan matlamat diri untuk memahami teks bahasa Arab mereka mula merancang, memantau dan menilai dalam gerak kerja memahami teks dengan teratur.

Seterusnya, dapatan kajian objektif dua menunjukkan setiap responden mempunyai masalah kosa kata. Mereka menggunakan strategi merancang untuk melonjakkan kemampuan mereka dalam penguasaan bacaan teks bahasa Arab. Dapatan persoalan objektif dua menunjukkan semua responden mengalami masalah sintaksis dan kosa kata. Mereka menggunakan strategi memantau untuk melonjakkan kemampuan mereka ketika proses bacaan teks bahasa Arab berlaku. Dapatan kajian objektif dua juga menunjukkan dua dari tiga responden dapat menilai bacaan mereka apabila berlakunya proses bacaan teks bahasa Arab. Objektif tiga menunjukkan ketiga-tiga responden berpendapat akan menggunakan semua strategi yang dipelajari dari Latihan SM dan berazam untuk mengatasi masalah bacaan teks pada masa akan datang. Semua dapatan menunjukkan kesemua responden mengakui bahawa mereka tidak menghadapi masalah ketika melalui Latihan SM malah mereka bercadang untuk menggunakan semua strategi yang dipelajari pada masa akan datang.

Dapatan diatas menunjukkan apabila pelajar dapat menguasai SM, pelajar mampu berfikir berdasarkan apa yang tidak diketahui dan apa yang telah diketahui. Dalam usaha untuk berjaya dalam akademik pelajar perlu mempunyai kemahiran kritikal, analitikal dan kreatif dalam pelajaran mereka. Kajian ini menjadi semakin unik apabila pengkaji-pengkaji menghubungkaitkan dengan strategi pembelajaran SM untuk melonjakkan peningkatan kemahiran kefahaman bacaan teks bahasa Arab. Tambahan lagi sekiranya ilmu multidisiplin ini dikaji dari sudut perspektif yang lebih besar umpamanya sebagai cadangan untuk kajian di peringkat negeri atau negara di Malaysia sudah pasti dapat mengangkat ilmuan Malaysia ke arah memartabatkan negara tercinta.

Rujukan

- Adil Bentahar. (2012)"Can ESL Teachers Teach Reading Metacognitive Strategies?". Boise State University Theses and Dissertations. 258. <https://scholarworks.boisestate.edu/td/258>
- American Federation of Teachers. (2004). *Teaching reading is rocket science what expert teachers of reading should know and be able to do*. Washington, DC: A Union of Professionals AFT Teachers.
- Asmaa Al-Mahbashi, Noorizah Mohd Noor & Zaini Amir. (2015). The Effect of Data Driven Learning on Receptive Vocabulary Knowledge of Yemeni University Learners. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. Vol. 21(3), 13-24.
- Bailey, Mariah C., "Evaluation of Reading Comprehension Gains as Measured by DIBELS Retell Fluency" (2011). Teses, Dissertations and Capstones
- Blakey, E., & Spence, S. (1990). Developing metacognition. Eric Reproduction Services No. ED327218.atas talian <http://www.eric.ed.gov/PDFS/ED327218.pdf>

- Chamot, A. U. (2005). The Cognitive Academic Language Learning Approach (CALLA): An update. In P. A. Richard-Amato & M. A. Snow (Eds.), *Academic success for English language learners: Strategies for K–12 mainstream teachers* (pp. 87–101). White Plains, NY: Longman
- Chamot, A. U., Barnhardt, S., El-Dinary, P. B., & Robbins, J. (1999). *The learning strategies handbook*. White Plains, NY: Addison Wesley Longman.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Ujian univariat dan multivariate*. McGraw-Hill Education. Malaysia
- Dakin, C. (2013). "The effects of comprehension through close reading". *Education*. Atas talian
<http://scholarworks.boisestate.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1259&context=td>
- Danuwong, C. (2006). *The role of metacognitive strategies in promoting learning English as a foreign language independently*. Phd Thesis. Edith Cowan University
- Duane Kiley. (2011). *Differentiated Instruction in the Secondary Classroom: Analysis of the Level of Implementation and Factors that Influence Practice*. Ph.D dissertation, *Western Michigan University*.
- Esmacil Panahandeh & Shahram Esfandiari Asl. (2014). *The effect of planning and monitoring as metacognitive*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 98 (2014) 1409 – 1416
- Strategies on Iranian EFL Learners' Argumentative Writing Accuracy
- Flavell, J. H. (1979). *Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitivedevelopmental inquiry*. *American Psychologist*, 34(10), 906–911.
- Fleming, N., and Baume, D. (2006) Learning Styles Again: VARKing up the right tree! *Educational Developments, SEDA Ltd, Issue 7.4, Nov. 2006, p4-7*
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Students. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 10(3), 15-33.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2011). Kepercayaan Jangkaan Keupayaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 11(1) 2011, 81-96.
- Harmer, Jeremy. (2001). *The Practice of English Language Teaching*. 3rd ed. London: Longman.
- Howard, B.C., McGee, S., Shin, N. et al. (2001) *The triarchic theory of intelligence and computer-based inquiry learning*. 49: 49. Atas talian
<https://doi.org/10.1007/BF02504947>
- JAPIM (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral). (2001). Keperluan Kurikulum Bahasa Arab dalam era millennium. Kertas kerja mesyuarat Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi, Unit Bahasa Arab, hlm. 13. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM 16-17 Ogos.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz Dalam Kalangan Pelajar Di SMKA. *GEMA Online™ Journal of Language Studies Vol 11(2).2011. 53-66*
- Kyairaniah Abu Hassan. (2017). Tahap metakognitif murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kawasan felda di Negeri Sembilan. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kujawa, S. & Huske, L. (1995). *The Strategic Teaching and Reading Project Guidebook*. (Rev. Ed.), Oak Brook, IL: North Central Regional, Educational Laboratory.
- Leslie, L & Caldwell, J. (2004). *Qualitative Reading Inventory 3*. Boston: Pearson Education Company.
- Levy, H. M. (2008). Meeting the needs of all students through differentiated instruction: Helping every child reach and exceed standards. *The Clearing House: A Journal of*

- Educational Strategies, 81(4), 161-164.
- Miriam Taouk & Max Coltheart. (2004). The cognitive processes involved in learning to read in Arabic. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal* 17: 27–57, 2004.
© 2004 Kluwer Academic Publishers. Printed in the Netherlands.
- Mohsen Mahdavi & Majid Mehrabi (2014). *Metacognitive Awareness of Reading Strategies among Iranian EFL Learners in an “Input-poor” Environment*. *International Journal of Innovation and Applied Studies*. Vol. 5(4), 360-366.
- Mokhtari, K. & Reichard, C. (2002). Assessing students’ metacognitive awareness of reading strategies. *Journal of Educational Psychology*. Vol. 94(2), 249-259
- Muhammad Kamarul Kabilan, Mak Kem Seng & Ooi Ae Kee (2010). Reader-Text Transaction In Text Comprehension. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 10(3)2010.127-142.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 14(1), 117-133.
- Nur Affiah Binti Mohd. Aminuddin Zaki (2012). Masalah sebutan bunyi vokal bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di IPTA. *Fakulti Bahasa Dan Linguistik*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Nur Aisyah Mohamad & Zamri Mahamod. (2014). Tahap kemahiran metakognitif murid tingkatan empat dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBMM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 1. 41-47.
- Onwuegbuzie, A. J., & Teddlie, C. (2003). *A framework for analyzing data in mixed methods*. In Tashakkori, A. & Teddlie, C. (Eds.). *Handbook of mixed methods in social and behavioral research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Patricia A. K. (2007). *Differentiated Instruction: The Effect on Student Achievement in an Elementary School*. Master's Theses and Doctoral Dissertations. Paper 31.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*, (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Phakiti, A. (2006). *Modeling cognitive and metacognitive strategies and their relationships to EFL reading test performance*. *Melbourne Papers in Language Testing*, 11(1), 53–95.
- Ringkasan Eksekutif - Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Atas talian http://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/articlefile_file_003113.pdf
- Robert K. Yin. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. Guilford Press
- Rosni Samah (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Schwartz, B. L., & Perfect, T. J. (2002). *Introduction: Toward an applied metacognition*. In T. J. Perfect & B. L. Schwartz (Eds.), *Applied metacognition* (pp.1-11). Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Setiawan, Deny & Zubaidah, Siti & Mahanal, Susriyati. (2015). *Minat Baca dan Keterampilan Metakognitif pada Pembelajaran Biologi Berbasis Reading Concept Map Think Pair Share*.
- Shahin, B. (2011). *Evaluating the Effectiveness Of Strategic Planning Within The Middle Eastern Public Sector*. Thesis. Doctor of Business Administration. Victoria Graduate School of Business Faculty of Business and Law Victoria University Melbourne, Australia.
- Shahlan Surat. (2012). *Keberkesanan Strategi 4-Meta dalam Aktiviti Penulisan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4*. Phd Thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Shahlan Surat , Saemah Rahman , Zamri Mahamod & Saadiyah Kummin. (2014). *The Use of Metacognitive Knowledge in Essay Writing among High School Students*.

- International Education Studies; Vol. 7, No. 13; 2014.
- Sima.K. (2012). The Relationship between Cognitive and Metacognitive Strategies, Age, and Level of Education the Reading Matrix © 2012 Volume 12, Number 1, April 2012
- Tobias, S. and Everson, H. T. (2002). Knowing What You Know and What You Don't: Further Research on Metacognitive Knowledge Monitoring (Research Report No.2002-3). New York: The College Board.
- Treffinger, D.J., R.L.,Hohn & Feldhusen, J.F.(1989). Reach each you teach. Buffalo. New York: D.O.K Publishers.
- Vos, H. (2001). Metacognition in higher education Enschede: Twente University Press (TUP)
- Wang.Y.H. (2015). Metacognition in reading: EFL Learners' metacognitive awareness of reading strategy use. International Journal of English Language and Literature Studies. Vol. 4(1), 27-36.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. (2013) Keberkesanan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan kefahaman menggunakan teks ekspositori. GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol. 13 (3), 133-149.